

04 APR 1997

Mahathir-Politik

MALAYSIA CONTOH NEGARA ISLAM YANG BAIK, KATA MAHATHIR

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia adalah contoh baik sebuah negara Islam yang maju dan aman walaupun terdapat perbezaan fahaman politik di kalangan rakyatnya yang beragama Islam.

Ini tidak berlaku di sesetengah negara Islam lain yang menjadi kucar-kacir kerana umat Islam bertelingkah dan berperang sehingga menyebabkan mereka berbunuh sesama sendiri.

"Di Malaysia Umno dan PAS masih menjadi musuh politik tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh bekerjasama atau bertindak keterlaluan sehingga boleh menghancurkan negara kita," katanya ketika merasmikan kilang tekstil kepunyaan KUB Malaysia Berhad di kawasan perindustriaan Pengkalan Chepa dekat sini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan beberapa menteri kerajaan pusat.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian usahasama sebuah kompleks petrokimia antara KUB dan Keloil Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan.

Perdana Menteri berkata perjanjian usahasama itu sendiri membuktikan bagaimana pembangunan ekonomi tidak harus dipolitikkan walaupun terdapat perbezaan (fahaman politik).

Beliau berkata di sesetengah negara Islam terdapat kerajaan yang tidak boleh bertahan lama kerana rakyatnya asyik berbalah sesama sendiri, mengadakan demonstrasi, rusuhan dan mogok sehingga tidak mampu mengadakan pemerintahan yang sempurna.

"Kita harap keadaan di Malaysia tidak begitu. Saya berterima kasih bukan sahaja kepada penyokong kerajaan tetapi kepada mereka yang menentang (kerajaan) pusat kerana mereka tidak banyak menimbulkan masalah," katanya.

Dalam ucapan tanpa teks itu, Dr Mahathir juga menjelaskan tujuan kerajaan pusat membenarkan pasukan kriket dari Israel menyertai Kejohanan Piala Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur, walaupun mendapat bantahan dari sesetengah kumpulan termasuk PAS.

Beliau berkata, media antarabangsa yang dikuasai oleh Barat dan Yahudi sentiasa memburuk-burukkan imej negara Islam sehingga memaparkan imej yang hodoh mengenai orang Islam.

"Inilah peluang kita untuk membuktikan bahawa orang Islam di Malaysia mampu menjadi contoh di kalangan negara-negara Islam yang lain dan bahawa tanggapan Barat terhadap kita tidak benar kerana kita tidak mempunyai imej demikian," katanya.

Pada majlis itu Dr Mahathir mengulangi kenyataannya bahawa Anugerah Raja Faisal dan Anugerah Jawaharlal Nehru yang diterimanya baru-baru ini adalah milik bersama rakyat negara ini dan bukannya milik peribadinya.

Menurutnya tanpa sumbangan dan kerjasama daripada rakyat, sesebuah negara itu tidak mungkin mencapai tahap kemajuan yang membanggakan walaupun mempunyai banyak pemimpin yang bijak dan berkaliber.

"Walaupun seorang pemimpin mungkin mempunyai otak yang bergeliga tetapi tanpa rakyat ia tidak akan mejadi apa-apa seperti yang berlaku di beberapa buah negara yang mempunyai pemimpin yang baik tetapi rakyat berperang sesama sendiri," katanya kepada kira-kira 2,000 orang yang terdiri daripada penyokong Pas dan Umno.

Dr Mahathir yang kelihatan gembira dengan suasana harmoni pada majlis itu juga menyifatkannya sebagai "bersejarah" kerana mampu mengumpulkan

bukan sahaja penyokong daripada kedua-dua parti tetapi juga pemimpin pusat dan kerajaan negeri pimpinan PAS.

Inilah kali pertama Perdana Menteri diiringi oleh Nik Aziz serta pemimpin PAS lain dalam kerajaan negeri dalam beberapa lawatan rasminya ke Kelantan sejak pilihan raya umum 1995.

Merujuk kepada bantahan sesetengah pihak dan segelintir media di Malaysia terhadap kehadiran pasukan kriket Israel baru-baru ini, Dr Mahathir menyatakan rasa hairannya mengapa pihak-pihak itu tidak membuat bantahan berhubung isu antarabangsa seperti yang berlaku di Eropah apabila rumah-rumah milik orang Turki dibakar bertujuan untuk mengusir mereka dari bumi Eropah.

Katanya selain itu negara-negara Barat juga turut mengambil sikap menentang kemasukan Turki ke dalam Kesatuan Eropah (EU) kerana mereka bertanggung "Eropah bukan tempat untuk orang Islam".

Kilang tekstil milik KUB yang dirasmikan oleh Perdana Menteri itu mula dibina pada Mei tahun lepas dan beroperasi tiga bulan selepas itu.

Kilang yang mempunyai 600 pekerja itu mengeluarkan pakaian sekolah, sukan dan kanak-kanak dengan jenama "Canggih".

Ia juga mengeluarkan pakaian sukan untuk eksport secara kontrak bagi jenama antarabangsa seperti "Adidas" dan "Umbro".

Sementara itu kompleks Petro kimia usahasama KUB/Keloil itu akan menjadi pusat aktiviti hiliran industri gas dan minyak di Kelantan.

Sambil menyifatkan kedua-dua projek KUB itu sebagai kemampuan orang Melayu untuk menceburi bidang perniagaan yang besar, Dr Mahathir berkata; "Orang Melayu boleh berjaya jika dapat menguruskan perniagaan mereka dengan tertib dan baik".

Perdana Menteri turut menyindir sikap sesetengah golongan usahawan Melayu yang menyalahgunakan kemudahan kredit bank, bukan untuk memajukan perniagaan sebaliknya mengutamakan kepentingan peribadi seperti membeli kereta Mercedes Benz dan barangan mewah lain.

Menurutnya usahawan Melayu kini memasuki era baru hingga mampu mengendalikan syarikat yang memperolehi keuntungan sehingga RM1,000 juta yang sebelum ini tidak mampu diimpikan mereka.

Terdahulu Pengerusi KUB Datuk Hassan Harun berkata kedua-dua projek itu hanya permulaan dalam rancangannya untuk menjadi katalis kepada pembangunan ekonomi Kelantan yang disifatkannya sebagai ketinggalan berbanding negeri lain.

Beliau berkata KUB kini mempunyai tiga projek besar di negeri ini dengan kira-kira 1,000 pekerja. -- BERNAMA

RAR HJ NMO